

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

RUJUKAN : 8074

SOALAN:

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) siapa atau pihak manakah yang menentukan sama ada sesuatu kenyataan itu berbaur hasutan atau tidak; dan
- (b) sama ada kuasa yang diberi kepada Ketua Polis Negara terlalu besar sehingga penyalahgunaan kuasa mungkin berlaku dan sama ada Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) akan ditubuhkan di negara kita.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), sesuatu keputusan akhir untuk menentukan sama ada sesuatu kenyataan itu adalah berbaur hasutan atau tidak adalah di bawah bidang kuasa Peguam Negara. Pihak polis hanya mengklasifikasi laporan yang diterima untuk tujuan siasatan sahaja.

Bagi menjawab soalan (b), segala kuasa yang diberikan kepada Ketua Polis Negara adalah di bawah Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen mengikut Akta Polis 1967, dari segi siasatan, tangkapan dan pembebasan kecuali arahan yang diterima daripada Peguam Negara atau Mahkamah untuk menjalankan siasatan lanjut atau membebaskan orang yang ditangkap. Keperluan penubuhan IPCMC tidak lagi timbul kerana Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bagi menggantikan IPCMC.